

Headline	49 pilih pakej RM220.000		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	6	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	456 cm ²
Journalist	ZULKIFLEE BAKAR Melaporkan dari MEKAH,	AdValue	RM 9,013
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,038



Swasta tawar pakej haji RM22,000 hingga RM220,000 seorang

49 pilih pakej RM220,000



■ MEKAH 24 OGOS

SERAMAI 49 orang memilih pakej pengelola jemaah haji bernilai RM220,000 yang akan dikendalikan oleh syarikat-syarikat swasta bagi menuaikan ibadah itu musim ini.

Pengarah Operasi Pengelola Jemaah Haji, Mat Admara Alang Azizdin berkata, mereka merupakan antara 2,208 orang jemaah haji yang akan menggunakan perkhidmatan tersebut tahun ini.

"Terdapat 16 syarikat termasuk TH Travel and Services akan mengendalikan pakej jemaah haji yang menawarkan pakej serendah RM22,000 seorang dan paling tinggi RM220,000 seorang.

"Daripada 2,208 orang jemaah haji tersebut seramai 847 orang memilih anak syarikat Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) TH Travel and Services," katanya kepada wartawan Malaysia di sini.

Mat Admara menegaskan, syarat utama untuk mengikuti pa-

keh, jemaah mestilah terpilih untuk menuaikan ibadah haji oleh Tabung Haji.

"Maknanya nama mereka mesiti disenaraikan untuk menuaikan haji tahun ini. Tidak ada jalan pintas untuk melaksanakan ibadah itu walaupun mereka bayar lebih tinggi daripada jemaah haji muassasah," katanya.

Mengulas lanjut, Mat Admara berkata, semua syarikat terlibat mempunyai perjanjian yang mengandungi terma dan syarat yang perlu dipatuhi ke atas perkhidmatan mereka janjikan.

Beliau berkata, walaupun jemaah haji tidak menandatangani risalah tersebut, namun Tabung Haji menganggap ia satu perjanjian antara syarikat dengan mereka.

Mat Admara memberitahu, bagi memastikan syarikat-syarikat terlibat mematuhi peraturan dan perjanjian yang ditetapkan, Tabung Haji menyediakan pasukan pemantau di sini dan Madinah.

Beliau menasihatkan, jemaah haji yang mahu menggunakan perkhidmatan pakej supaya memastikan syarikat terlibat diluluskan lesen oleh Tabung Haji.

"Langkah menggunakan syarikat berlesen dengan Tabung Haji adalah penting kerana agensi itu akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kelemahan perkhidmatan yang diberikan syarikat tersebut," katanya.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan jemaah haji pakej membuat aduan kepada pejabat

Tabung Haji di sini atau Madinah jika mendapati syarikat terlibat gagal memberi perkhidmatan seperti mana dijanjikan.

"Jangan membuat aduan apabila sudah pulang ke tanah air. Ini memandangkan apabila aduan diterima pasukan pemantau akan melakukan pemeriksaan untuk mendapatkan bukti," katanya.



Terdapat 16 syarikat termasuk TH Travel and Services akan mengendalikan pakej jemaah haji yang menawarkan pakej serendah RM22,000 seorang dan paling tinggi RM220,000 seorang."

MAT ADMARA ALANG AZIZDIN
Pengarah Operasi Pengelola Jemaah Haji

Headline	49 pilih pakej RM220.000		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	6	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	456 cm ²
Journalist	ZULKIFLEE BAKAR Melaporkan dari MEKAH,	AdValue	RM 9,013
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,038



SEBAHAGIAN jemaah haji Malaysia yang baru tiba di Mekah berjalan ke Masjidilharam bagi menunaikan ibadah umrah, semalam.